

Muhammad bin Ishāq Menurut Perspektif Nuqqād dan Muḥaddithīn

Fauzi Deraman
Ahmad Saifuddin Yusof

ABSTRACT

The status of narration by Muhammad bin Ishāq which involve stories in al-Sīrah al-Nabawīyyah has been an essential issue. His position and authority towards narration of traditions particularly in al-Sīrah al-Nabawīyyah has being debated among nuqqad and muḥaddithin from generation to generation. Some unbiased and fair assessments are identified to clarify this situation.

Keywords: Muhammad bin Ishaq, Ibn Ishāq, Sīrah, al-Jarh wa al-Ta'dil

Pendahuluan

Apabila berlaku satu polemik berkaitan kredibiliti Muhammad bin Ishāq (151H) terhadap periwayatan hadith dan sīrah, perkara ini mencetuskan impak daripada pelbagai sudut. Satu pihak melihat daripada sudut negatif dan menganggap isu ini boleh memecahbelahkan golongan terpelajar. Tetapi dari satu sudut lagi menganggap perkara ini menimbulkan satu suasana keilmuan bagi menilai kembali sīrah nabawī yang selama ini dipercayai dan dipegang. Kebanyakan riwayat berkaitan sīrah nabawī ini didominasi daripada riwayat yang terkandung di dalam Sīrah Ibn Hisyām daripada riwayat Ibn Ishāq itu sendiri.

Penilaian yang adil harus dilakukan bagi mengetahui kedudukan sebenar periwayatan di dalam sīrah nabawī khususnya riwayat Muhammad bin Ishāq. Adakah riwayat beliau boleh diterima atau ditolak secara mutlak? Atau periwayatan beliau diterima dengan beberapa indikasi dan syarat-syarat tertentu?

Biografi

Nama sebenarnya ialah Muhammad bin Ishāq bin Yasār bin Khiyār al-Madani. Terdapat pendapat yang berbeza pada nama moyang beliau, iaitu sama ada

Khiyār atau Kuthān. Ada pendapat lain mengatakan nama moyangnya Kutān dan ada pendapat mengatakan Kumān (al-Dhahabi 1988/1409, 7: 33). Namun, menurut Muhammad Hamidullah (m. 2002), kedua-dua nama tersebut adalah tepat kerana Kuthān telah ditawan dalam peperangan pada tahun 12H. Apabila dia memeluk Islam, namanya ditukar kepada Khiyār (Muhammad Hamidullah 1967, 2). Al-Baghdādī (m. 463H) menukilkan beberapa riwayat yang menjelaskan tentang *kunyah* Ibn Ishāq. Ada pendapat yang mengatakan kunyah beliau ialah Abū Bakr manakala pendapat lain mengatakan Abū ‘Abd Allah (al-Baghdādī 2001/1422, 2: 9-11). Beliau dilahirkan pada tahun 80H (al-Dhahabi 1988/1409, 7: 33) atau 85H di Madīnah. Menurut Muṣṭafa al-Saqā dan lain-lain, tahun 85H adalah yang paling tepat (Ibn Hisyām t.th., jil. 1: 14; Muḥammad Surūr 1988/1408, 88; Sizkin 1991/1411, jil. 1: 87).

Keturunan Ibn Ishāq telah ditawan dalam Peperangan ‘Ayn al-Tamar (Al-Dhahabi 1988/1409, 7: 33-34; Ibn Khallikān t.th., 4: 276.) yang berlaku semasa pemerintahan Khalifah Abū Bakr al-Ṣiddīq pada tahun 12H (Ibn Hisyām t.th., jil. 1: 14). Perselisihan berlaku antara ulama tentang individu yang ditawan dalam peperangan tersebut. Ibn Sa‘d (m. 230H), Ibn Khallikān (m. 681H), al-Dhahabi (m. 748H) dan lain-lain berpendapat bahawa individu yang ditawan itu adalah Yasār (al-Dhahabi 1988/1409, 7: 33; Ibn Khallikān t.th., 4: 276; al-Zuhri 1968, 7: 321), manakala menurut al-Baghdādī (2001/1422, 2: 9), individu berkenaan adalah Khiyār.

Menurut Muhammad Hamidullah, pendapat yang lebih tepat adalah Khiyār kerana beliau telah ditawan dalam peperangan tersebut pada tahun 12H semasa masih kanak-kanak. Kemudian, beliau dikurniakan anak bernama Yasār pada tahun 20H, seterusnya Yasār mendapat anak bernama Ishāq pada tahun 53H, dan Ibn Ishāq dilahirkan pada tahun 85H. Sekiranya Yasār telah ditawan pada tahun 12H, maka beliau harus menunggu sehingga tahun 53H untuk mendapat anak bernama Ishāq, ayah kepada Ibn Ishāq (Muhammad Hamidullah 1967, 2).

Ibn Ishāq telah meninggal dunia di Baghdad, Iraq. Ada pendapat menyatakan beliau meninggal pada tahun 144H, (al-Baghdādī 2001/1422, 2: 34), 149H (Ibn Qanfadh al-Qasnatini, 184/1403: 128) 150H, 151H, 152H (al-Dhahabi 1988/1409, 7: 55) dan 153H (Ibn Khallikān t.th., 4: 288). Walau bagaimanapun, Ibn Khallikān berpendapat bahawa tahun 151H adalah lebih tepat. Jenazah Ibn Ishāq telah dikebumikan di sebuah tempat di Baghdād bernama al-Khayzurān.

Kembara Ilmu, Guru dan Murid Ibn Ishāq

Muḥammad bin Ishāq dilahirkan di Madinah dalam suasana perkembangan ilmu. Beliau hidup dalam bi‘ah dan suasana keilmuan yang disebar di serata

pelusuk, apatah lagi di Masjid Nabawi ('Abd al-Syaqi 2007/1428, 32-33). Beliau juga sempat bertemu dengan para sahabat r.a. ketika itu seperti Anas bin Mālik r.a. sewaktu beliau masih kanak-kanak (al-Baghdādī 2001/1422, 2: 11). Oleh kerana kesungguhan beliau terhadap ilmu, beliau banyak belajar dan mengambil riwayat daripada tokoh terkemuka *kibār al-tābi'in*, seperti Abān bin 'Uthmān (m. 101H-105H), al-Qāsim bin Muhammad bin Abu Bakr al-Siddiq (m. 107H), Muhammad bin 'Ali bin al-Husayn bin 'Alī bin Abī Talīb (m. 110H), 'Āsim bin 'Umar bin Qatadah bin al-Nu'mān al-Ansāri (m. 129H) dan ramai lagi (al-Dhahabī 1988/1409, 7: 34; al-Mizzī 1982/1402, 24: 406-410; al-Syamrī, 2004: 37-58). Selama beberapa tahun, Ibn Ishāq telah mengembara untuk menuntut ilmu. Tempat pertama beliau ialah Mesir ('Abd al-Syāqī 2007/1428, 34).

Beliau singgah di Iskandariyyah pada tahun 115H dan menuntut ilmu dengan tokoh terkemuka di Mesir, termasuk Yazīd bin Abī Ḥabīb (m. 128H) (al-Mizzī 1982/1402, 24: 424). Beliau kembali ke Madīnah pada tahun 123H dan diperkenalkan oleh al-Zuhrī (m. 124H) kepada orang ramai. Kemudian beliau bertemu Sufyān bin 'Uyaynah (m. 198H) pada tahun 132H (Horovitz 1928, 2: 170).

Muhammad bin Ishāq juga telah mengembara ke al-Jazīrah, al-Ray, al-Hīrah dan berakhir di Baghdād (Ibn Hisyām t.th., jil. 1: 14). Di tempat-tempat ini beliau banyak mengajar dan menyampaikan riwayat kepada orang ramai sehingga bilangan muridnya lebih ramai berbanding di Madīnah (Horovitz 1928, 2: 172).

Antara murid Ibn Ishāq yang terkemuka dan telah meriwayatkan sirah daripada beliau ialah Ibrāhīm bin Sa'd al-Zuhrī (m. 183H), Yūnus bin Bukayr al-Syaybānī (m. 199H), Salamah bin Fadl al-Rāzī (m. 191H), Muhammad bin Salamah al-Hārrānī (m. 191H), Ziyād bin 'Abd Allah al-Bakka'i (m. 187H), 'Abd Allah bin Idrīs al-Awdī (m. 192H), Yahya bin Sa'id bin Abān al-Umawī (m. 194H), Jarīr bin Ḥāzim bin Zayd al-Azdī (m. 170H) dan Hārūn bin Abī 'Īsa al-Syāmī (m. 190H) (al-Ṭarābisī 1994/1414, 57; Muhy al-Dīn Dīb Mastū 2000/1420, 261-264). Selain itu, ramai lagi murid-murid beliau seperti yang dikemukakan oleh al-Mizzī dan al-Dhahabī (al-Dhahabī 1988/1409, 7: 35; al-Mizzī 1982/1402, 24: 410-411).

Karya Ibn Ishāq

Sizkin (1991/1411, jil. 1: 89-91) telah menyenaraikan beberapa karya Ibn Ishāq dan karya-karya lain yang dinisbahkan kepada Ibn Ishāq. Karya-karya berkenaan ialah *Kitāb al-Maghāzī*, *Tārīkh al-Khulafā'*, *Kitāb al-Futūḥ* dan *Akhhār Kulayb wa Jaṣṣās*.

Kitāb al-Maghāzī terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *al-Mubtadā'*, *al-Mab'ath* dan *al-Maghāzī* (Wan Kamal 1999/1419, 24-25; Anon 2009: 37-38). Karya ini merupakan naskhah daripada riwayat Yunūs bin Bukayr.

Ibn Hisham (m. 183H) telah melakukan semakan pada Sirah Ibn Ishaq yang diriwayatkan daripada murid Ibn Ishaq iaitu Ziyad bin 'Abd Allah al-Bakka'i. Ibn Hisham menyaring kembali riwayat-riwayat serta syair-syair yang terdapat dalam riwayat Ibn Ishaq. Menurut Ibn Hisham (1998/1418, jil. 1: 64-65):

Insya Allah saya memulakan buku ini dengan menyebut Isma'il bin Ibrahim, dan orang yang melahirkan Rasulullah s.a.w. daripada anaknya (Isma'il) dan anak-anak mereka dan keturunan mereka. Pertama sekali adalah (tentang) daripada Isma'il (hingga) kepada Rasulullah s.a.w. dan apa yang berlaku (dalam kalangan) mereka. (Saya) meninggalkan kisah tentang orang lain dalam kalangan anak-anak Isma'il adalah untuk meringkaskan (tulisan ini) kepada kisah sirah Rasulullah s.a.w. dan (saya) tinggalkan sebahagian daripada kenyataan Ibn Ishaq di dalam buku ini daripada apa yang bukan daripada Rasulullah s.a.w. yang disebutnya. (Termasuk) apa-apa peristiwa yang tidak diturunkan al-Quran mengenai peristiwa berkenaan. Serta tidak ada sebab (yang wajar) yang terkandung dalam buku ini, tiada penafsiran padanya dan tidak ada hujah (yang kuat) padanya. Penyataan saya ini adalah untuk meringkas (sahaja). Syair-syair yang terkandung di dalamnya, saya dapati tiada seorang pun dalam kalangan ahli ilmu yang mengetahuinya, sebahagiannya tidak sesuai dibincang, sebahagian yang lain menghina orang lain, sebahagiannya tidak diakui oleh al-Bakka'i dalam periwayatannya. Saya (hanya) mengemukakan –insya Allah – riwayat yang lain adalah diakui (oleh Ibn Ishaq) adalah hasil periwayatan dan keilmuan (beliau) dengannya.

Menurut Ibn Nadīm (1971/1391, 2: 105), *Tārīkh al-Khulafā'* diriwayatkan oleh al-Umawī. Al-Dūrī (1993, 182-183) telah membuat salinan semula riwayat yang terkandung dalam kitab ini yang berkisar tentang pembunuhan Saydina 'Umar bin al-Khaṭṭāb r.a. serta pembentukan ahli syura. *Kitāb al-Futūḥ* karya Ibn Ishāq pula menjadi kerangka asas dalam penulisan karya-karya *al-futūḥ* yang ditulis oleh al-Wāqidi (m. 207H) seperti *Futūḥ al-Syām*, *Futūḥ Miṣr*, *Futūḥ al-Jazīrah wa al-Khābūr wa Diyār Bakr fi al-'Iraq*, *Futūḥ al-Bahnasā*, *Futūḥ Afriqiyyah*, *Futūḥ al-'Irāq* dan *Futūḥ Āmid* (Sizkin 1991/1411, 2: 91 & 102-106). *Akhbār Kulayb wa Jaṣṣāṣ* pula adalah manuskrip yang terdapat di Maktabah 'Alī Sayyid 'Īsa al-'Atar yang terletak di Baghdād, Iraq (Sizkin 1991/1411, 2: 91). Selain daripada karya-karya tersebut, Sizkin (1991/1411) juga menyatakan bahawa terdapat beberapa lagi karya Ibn Ishāq yang lain seperti *Kitāb Hurrāb*, *Siyar al-'Arab al-Arba'*, *Hadīth Isrā'* wa *al-Mi'rāj* dan *Akhbār Ṣiffīn*.

Pandangan Ulama Terhadap Ibn Ishāq

Apabila diteliti di dalam kitab-kitab rijāl, perbincangan tentang kedudukan Ibn Ishāq adalah perbahasan yang kontroversi dalam kalangan para ulama 'al-jarḥ wa al-ta'dīl'. Ini kerana wujud pelbagai pandangan yang bercanggah sesama mereka, bahkan pandangan daripada ulama yang sama juga kelihatan bercanggah pada waktu yang berbeza. Pandangan para ulama al-jarḥ wa al-ta'dīl terbahagi kepada tiga kelompok iaitu pujian dan sanjungan, kritikan dan tuduhan serta penerimaan bersyarat.

Pujian dan Sanjungan kepada Ibn Ishāq

Terdapat para ulama yang mengiktiraf ketokohan Ibn Ishāq dalam bidang sejarah dan periwayatan hadith. Selain daripada pujian dan sanjungan, banyak pendapat yang dikemukakan adalah untuk menjawab kritikan terhadap Ibn Ishāq. Berikut adalah beberapa pujian dan sanjungan para ulama kepada Ibn Ishāq.

Ibn Ma'īn (m. 223H) menyatakan Ibn Ishāq sebagai, "Thiqah dan ḥasan al-ḥadīth" (al-Dhahabi 1988/1409, 7: 35; al-Mizzi 1982/1402, 24: 411). Abu Zur'ah al-Dimasyqī (m. 281H) telah bertanya kepada Yahya bin Ma'īn, "Jika sekiranya seseorang berkata (bahawa) Muhammad bin Ishāq (individu yang boleh dijadikan) hujah (adakah dia) salah (dalam pendapatnya itu)?" Ibn Ma'īn menjawab, "Tidak, beliau (merupakan seorang) yang thiqah" (al-Nuri et al. 1992/1412, 2: 449). 'Alī bin al-Madīnī (m. 234H) berkata, "Hadith Rasulullah s.a.w. tersebar di kalangan enam orang." Lalu beliau memberitahu nama-nama mereka (yang berkenaan). Beliau menyambung, "Ilmu enam orang (tersebut) tersebar di kalangan 12 orang dan salah seorang (dalam kalangan) mereka adalah Ibn Ishāq" (al-Dhahabi 1988/1409, 7: 36; al-Mizzi 1982/1402, 24: 412; al-Baghdadi 2001/1422, 2: 13; al-Asqalani 1995/1416, 3: 504).

Ibn al-Madīnī berkata lagi, "Saya telah mendengar Sufyān berkata, bahawa Ibn Syihab telah ditanya tentang maghazinya (Ibn Ishāq). Lalu Ibn Syihāb menjawab, "(Orang) ini adalah orang yang paling alim tentangnya (maghāzī)" (al-Dhahabi 1988/1409, 7: 36; al-Mizzi 1982/1402, 24: 412-413; al-Baghdadi 2001/1422, 2: 14).

'Asim bin 'Umar bin Qatādah berkata, "Tiada sesiapa dalam kalangan manusia yang mencapai ilmu seperti Ibn Ishāq" (al-Dhahabi 1988/1409, 7: 36; al-Mizzi 1982/1402, 24: 413; al-Baghdadi 2001/1422, 2: 15). Al-Bukhārī (m. 256H) berkata, "Saya telah melihat (mendapati) 'Alī bin 'Abd Allah berhujah dengan hadith Ibn Ishāq" (al-Dhahabi 1988/1409, 7: 39; al-Bukhari t.th., 36-37). Selain itu, Al-Bukhārī juga berkata, "Ibrāhīm bin Hamzah telah berkata kepada saya, "Di sisi (riwayat) Ibrāhīm bin Sa'ad daripada Ibn Ishāq adalah sebanyak 17,000 hadith merangkumi hadith ahkam termasuk maghāzī". Al-

Dhahabi (1988/1409, 7: 39-40) menambah, “Yakni (jumlah hadith riwayat Ibrahim bin Sa’ad daripada Ibn Ishaq) adalah pengulangan turuq hadith-hadith (tersebut), manakala matan-matan berkaitan hukum-hakam yang diriwayatkan (oleh Ibrahim Sa’ad) hanya merangkumi satu per sepuluh sahaja (lebih kurang 1, 700 hadith)”.

Al-Syāfi‘ī (m. 204H) berkata, “Sesiapa yang ingin luas ilmunya tentang maghāzī, maka dia akan terhutang budi dengan Muhammad bin Ishāq” (al-Dhahabi 1988/1409) ‘Ali bin al-Madīnī pula berkata, “Hadith beliau (Ibn Ishāq) di sisi saya (adalah) sahīh” (al-Dhahabi 1995/1416, 6: 57). Manakala Syu’bah (m. 160H) berkata, “Ibn Ishāq (adalah) amīr al-mu’minīn fī al-ḥadīth” (al-Baghdadi 2001/1422, 2: 26; al-Dhahabi 1995/1416, 6: 57). Selain itu, Syu’bah juga berkata, “Beliau (adalah) ṣadūq” (al-Dhahabi 1995/1416, 6: 57). Al-‘Ijlī (m. 261H) di dalam *Tārīkh al-Thīqat* telah mengklasifikasikan Ibn Ishāq sebagai thiqah (1985/1405: 400). Muhammad bin ‘Abd Allah bin Numayr (m. 234H) berkata, “(Ibn Ishāq) telah dituduh sebagai Qadariyah, (tetapi) beliau jauh daripadanya (tuduhan tersebut)” (al-Dhahabi 1995/1416, 6: 57; al-Baghdadi 2001/1422, 2: 23). Kenyataan ini disokong oleh keterangan Sufyān bin ‘Uyaynah katanya, “Saya tidak melihat seorang (pun) menuduh Ibn Ishāq (dengan apa-apa tuduhan). Kenyataan Sufyān bin ‘Uyaynah ini dilihat bercanggah dengan keterangan beliau yang lain. “Saya telah melihat Ibn Ishāq di dalam masjid al-Khayf, saya berasa malu jika seseorang melihat saya bersamanya. (Mereka) menuduh beliau (berfahaman) Qadariyah”. Hal ini menunjukkan bahawa Sufyān bin ‘Uyaynah masih lagi sangsi dengan tuduhan yang dilemparkan kepada Ibn Ishāq. Justeru, beliau berasa malu sekiranya dilihat bersama Ibn Ishaq kerana bimbang sekiranya tuduhan yang dilemparkan itu adalah benar. Tetapi kenyataan di atas menggambarkan bahawa Sufyān bin ‘Uyaynah benar-benar yakin bahawa Ibn Ishāq bersih daripada tuduhan berkenaan (Al-Dhahabi 1995/1416, 6: 57; al-Mizzi 1982/1402, 24: 416; al-Baghdadi 2001/1422, 2: 25).

Manakala Imam Ahmad bin Ḥanbal (m. 241H) berkata, “Beliau ḥasan al-ḥadīth” (al-Dhahabi 1995/1416, 6: 57; al-Baghdadi 2001/1422, 2: 20). Tetapi di tempat lain, Imām Aḥmad menyatakan pendapat yang bercampur-campur. Antara kenyataannya, beliau mengatakan Ibn Ishāq seorang ḍa‘īf. Beliau juga berkata, “Beliau (Ibn Ishāq) adalah ṣāliḥ al-ḥadīth dan (dibolehkan) berhujah dengannya juga” (al-Nuri et al. 1997/1417, 3: 236). Selain itu, apabila diminta membuat pilihan antara Mūsa bin ‘Ubaydah (m. 153H) dan Muhammad bin Ishāq, Imām Aḥmad memilih Muḥammad bin Ishāq (al-Mizzi 1982/1402, 24: 421; al-Baghdadi 2001/1422, 2: 29; al-Asqalani 1995/1416, 3: 506).

Apabila ditanya tentang riwayat Muḥammad bin Ishāq daripada al-Zuhri, Imām Aḥmad bin Ḥanbal menjawab, “Beliau thiqah, tetapi Ma‘mar dan Mālik,

kedua-duanya lebih thiqah daripada beliau (Ibn Ishāq)” (al-Nuri 1997/1417, 3: 240). Banyak lagi pendapat Imām Aḥmad yang bercampur iaitu antara menerima atau menolak periwiyatan Ibn Ishāq. Walaupun terdapat banyak pendapat para ulama yang memberi pujian dan sanjungan ke atas kredibiliti Ibn Ishāq terhadap periwiyatan hadith, tetapi rata-rata ulama memberi sanjungan atas keilmuan beliau terhadap sīrah dan maghāzī.

Kritikan dan Tuduhan terhadap Ibn Ishāq

Oleh kerana Ibn Ishāq merupakan seorang tokoh yang diperselisih wibawanya di dalam bidang hadith, ramai dalam kalangan ulama al-jarh wa al-ta’dil yang mengkritik beliau. Antaranya, Imām Mālik bin Anas berkata, “Dajjal di antara dajjal-dajjal (Dajjājilah)” (al-Jarjani 1988/1409, 6: 103). Manakala Al-Nasā’ī (m. 303H) pula berkata, “Laysa bi al-qawī” (al-Dhahabi 1995/1416, 6: 57; al-Mizzi 1982/1402, 24: 424). Al-Dāraqutnī (m. 385H) berkata, “La yuḥtaj bihi (Tidak boleh dijadikan hujah dengannya)” (al-Dhahabi 1995/1416, 6: 57). Kemudian Hisyām bin ‘Urwah (m. 145H) berkata, “Ibn Ishāq pendusta (kadhdhāb)” (al-Dhahabi 1988/1409, 7: 48).

‘Abd al-Raḥman bin Maḥdī (m. 198H) pula berkata, “(Bahawa) Yahya bin Sa’id al-Anṣārī dan Malik mengkritik Ibn Ishāq” (al-Dhahabi 1995/1416, 6: 57) Selain itu, Ibn Ishāq juga didakwa berfahaman Muktaẓilah (al-Nuri et al. 1992/1412, 6: 446) dan Qadariyah (al-Baghdadi 2001/1422, 2: 23). Manakala Abū Ḥatim al-Rāzī (m. 277H) mengklasifikasikan Ibn Ishāq sebagai da’if (al Nuri et al. 1992/1412, 2: 446). Imām Aḥmad bin Ḥanbal pula berkata, “Ibn Ishāq laysa bi hujjah” (al-Nuri et al. 1997/1417, 3: 239; al-Baghdadi 2001/1422, 2: 29). Selain itu, Ibn Ishāq juga dilihat mengambil kisah dan riwayat daripada ahl al-kitab. Al-Dhahabi (1988/1409, 7: 52) menyatakan bahawa mengambil kisah dan riwayat daripada ahl al-kitāb dibenarkan oleh Rasulullah s.a.w. dan tiada larangan dalam soal ini, tetapi dengan syarat riwayat tersebut tidak melibatkan hukum-hakam.

Al-Khatib al-Baghdadi mengatakan bahawa Ibn Ishāq berfahaman Syiah, Qadariyah dan mengamalkan tadlīs pada hadith (al-Mizzi 1982/1402, 24: 416). Menurut Muhammad Hamidullah (1967, 4-5), pendapat yang mengatakan bahawa Ibn Ishāq seorang Syiah adalah kerana beliau berpendapat ‘Alī bin ‘Abī Ṭālib r.a. adalah individu yang lebih layak berbanding ‘Uthmān bin ‘Affān r.a. bagi jawatan khalifah selepas ‘Umar bin al-Khaṭṭāb r.a.. Pendapat ini sudah cukup untuk beliau dikatakan sebagai seorang Syiah. Tambahan pula, ketika itu adalah pemerintahan Banī Umayyah yang dilihat berselisih antara pihak penyokong ‘Alī. Manakala Muhammad bin Ismā’īl al-Bukhārī telah berkata, “Ibn Ishāq mempunyai (sebanyak) seribu hadith (yang beliau riwayatkan)

bersendirian dan tidak (diriwayatkan) bersama dengan riwayat orang lain”. Maksudnya, Ibn Ishāq tafarrud dalam periwayatan dengan meriwayatkan secara bersendirian tanpa sokongan daripada riwayat orang lain pada hadith yang sama (al-Baghdādī 2001/1422, 2: 25; al-Mizzi 1982/1402, 24: 419).

Oleh kerana itu, Imām Aḥmad bin Ḥanbal telah ditanya sama ada beliau menerimanya atau tidak, sekiranya Ibn Ishāq tafarrud (bersendirian) ketika meriwayatkan hadith. Imām Aḥmad menjawab, “Tidak, demi Allah, sesungguhnya saya telah melihat (hadith beliau) yang diriwayatkan daripada sekumpulan (perawi) dengan meletakkan di dalam satu hadith. Tidak dinyatakan ucapan perawi dengan perawi yang lain (al-Baghdādī 2001/1422, 2: 30; al-Mizzi 1982/1402, 24: 422).

Yaḥya bin Ma‘īn telah ditanya beberapa kali tentang kedudukan Ibn Ishāq. Beliau memberi kenyataan yang pelbagai, antara kenyataan beliau ialah, “Muḥammad bin Ishāq laysa bihi ba’s,” (al-Dhahabī 1995/1416, 6: 57). “Laysa bidhāka, ḍa‘if,” “Muḥammad bin Ishāq di sisi (pada pandangan) saya saqīm (dusta) laysa bi al-qawī,” “Muḥammad bin Ishāq ḍa‘if,” “Muḥammad bin Ishāq thiqah, wa laysa bi hujjah,” (al-Mizzi 1982/1402, 24: 423) dan “Janganlah kamu bergantung sedikitpun daripada ḥadīth Ibn Ishāq kerana sesungguhnya Ibn Ishāq laysa huwa bi al-qawī fi al-ḥadīth” (al-Jarjānī 1988/1409, 6: 104).

Majoriti kenyataan Yaḥya bin Ma‘īn tidak menerima Ibn Ishāq sebagai perawi hadith yang berautoriti. Yahya bin Sa‘īd al-Qaṭṭān (m. 189H) telah bertanya kepada ‘Ubayd Allah. “Anda mahu ke mana?” Beliau menjawab, “Saya mahu menuju ke (tempat) Wahb bin Jarīr, saya (mahu) menulis al-sirāh”. Yahya berkata, “(Maka akan) ditulis pendustaan yang banyak”. Al-Dhahabi membuat penjelasan atas kenyataan Yaḥya bin Sa‘īd itu, “Bahawa Wahb meriwayatkan daripada bapanya, (dan) daripada Ibn Ishāq. Yaḥya al-Qaṭṭān mahu mengisyaratkan kepada apa yang terkandung di dalam Sirāh (Ibn Ishāq) berkenaan (nukilan) yang lemah berkaitan syair dan daripada sebahagian āthār yang munqatī‘ dan munkar, jika sekiranya (nukilan tersebut) dibuang daripadanya (al-sirah), maka (kandungan al-sirah itu) menjadi elok” (al-Dhahabi 1988/1409, 7: 52).

Yaḥya al-Qaṭṭān menegaskan lagi bahawa beliau tidak menerima riwayat Ibn Ishāq, “Saya tidak tinggalkan hadith beliau (Ibn Ishāq) kecuali kerana Allah, (dan) saya bersaksi bahawa beliau seorang pendusta (kadhdhab)” (Jamāl al-Dīn Abī al-Farrāj ‘Abd al-Raḥmān 1986/1406, 3: 41). Hammad bin Salamah (m. 167H) pula berkata, “Saya tidak meriwayatkan (hadith) daripada Ibn Ishāq kecuali (dalam keadaan) terpaksa” (al-Dhahabi 1988/1409, 7: 52).

Selain daripada kenyataan di atas, masih banyak pendapat daripada ulama al-jarḥ wa al-ta‘dīl yang mengkritik kredibiliti dan autoriti Ibn Ishāq

dalam periwayatan hadith sama ada *sīrah*, *maghāzī* dan sebagainya. Keterangan daripada para ulama dalam hal ini dilihat banyak bercanggah antara satu sama lain. Justeru, satu kriteria pendapat-pendapat yang lain dikelaskan sebagai penerimaan bersyarat. Ini kerana wujud keterangan yang lebih jelas tentang kedudukan Ibn Ishāq dalam periwayatan dengan meletakkan syarat-syarat tertentu bagi membentuk satu penanda aras dalam menerima atau menolak riwayat daripada Ibn Ishāq.

Penerimaan Bersyarat

Lazimnya, kenyataan pada bahagian ini dilihat bercampur-campur sama ada ia adalah kritikan atau sebaliknya. Contohnya, kenyataan daripada Imām Aḥmad bin Ḥanbal tentang kriteria periwayatan Ibn Ishāq yang dilihat kontradik dengan kenyataan sebelum ini. Antara keterangannya, “Beliau (Ibn Ishāq) sangat banyak (melakukan) *tadlīs*, tetapi hadith beliau baik (*ḥasan*) di sisi saya (sekiranya) beliau berkata *akhbarani* dan *sami’tu*”. Imām Aḥmad juga berkata, “Ibn Ishāq (melakukan) *tadlīs*, kecuali (daripada) tulisan Ibrāhīm bin Sa’d jika sekiranya (dengan lafaz) *Simā’* (iaitu) lafaz, *ḥaddathani*, jika berlaku sebaliknya (beliau menggunakan) lafaz *qalā*” (al-Nūrī et al. 1997/1417, 3: 238-239).

Antara kenyataan yang jelas ialah daripada anak Imām Aḥmad iaitu ‘Abd Allah bin Aḥmad (m. 290H), “Ayah saya telah menyelidiki hadith beliau (Ibn Ishāq) dan banyak menulisnya (hadith) (daripada) sanad ‘*alī* dan *naẓīl*. Beliau (Aḥmad bin Ḥanbal) memasukkan di dalam al-Musnad dan saya tidak lihat beliau menafikan hadith (riwayat)nya sekalipun.” (Kemudian) ditanya kepada beliau (‘Abd Allah), “(Adakah boleh) dijadikan hujah dengannya (hadith)?” ‘Abd Allah berkata, “Tidak boleh sekali-kali berhujah dengannya (hadith) dalam soal al-sunan (hadith-hadith hukum)” (al-Baghdādī 2001/1422, 2: 29; al-Nūrī et al. 1997/1417, 3: 239).

Selain kenyataan Imām Aḥmad, terdapat beberapa keterangan daripada ulama lain berkenaan sempadan penerimaan riwayat Ibn Ishāq, antaranya Muḥammad bin ‘Abd Allah bin Numayr (m. 281H) berkata, “Apabila beliau (Ibn Ishāq) mendengar hadith daripada kalangan orang yang dikenali, maka ia adalah hadith yang baik (*ḥasan al-ḥadīth*) dan benar (*ṣadūq*). Sekiranya (hadith berkenaan) dibawa daripada kalangan yang tidak dikenali maka hadith-hadith (berkenaan adalah) batil” (al-Baghdādī 2001/1422, 2: 24-25; al-Dhahabī 1988/1409, 7: 43).

Daripada kenyataan tersebut, dapat disimpulkan bahawa para ulama al-jarh wa al-ta’dīl bukan menerima periwayatan Ibn Ishāq secara total. Tetapi, mereka meletakkan beberapa syarat seperti lafaz *simā’* yang jelas, tidak tafarrud pada riwayat dan sebagainya.

Kritikan terhadap Ibn Ishaq

Kepelbagaian pendapat yang telah dinyatakan hanya kesimpulan daripada pandangan-pandangan yang dikemukakan. Secara umum, kebanyakan kitab rijāl membahaskan pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh ulama al-jarḥ wa al-ta'dīl terhadap Muḥammad bin Ishāq. Contohnya, al-Dhahabi (1988/1409) dan al-Baghdadi dalam karyanya *al-Tārīkh al-Baghdādī* menukilkan pelbagai pandangan para ulama tentang hal ini.

Terdapat beberapa perbincangan utama yang difokuskan oleh ulama al-jarḥ wa al-ta'dīl di dalam karya-karya mereka. Antara perbincangan penting yang dikemukakan adalah kritikan yang diutarakan oleh Imām Mālik bin Anas, Hisyām bin 'Urwah dan Yahya Sa'id al-Qaṭṭān.

Pendapat Imām Mālik bin Anas (m. 179H)

Imām Mālik bin Anas mengkritik Ibn Ishāq dengan mengatakan Ibn Ishaq sebagai dajjal. Menurut pembahagian para ulama, lafaz *Dajjāl* ini adalah lafaz *al-Tajrīh* yang paling keras di samping lafaz-lafaz yang lain. Lafaz ini berada di peringkat terakhir daripada enam peringkat (Abī al-Ḥasan Mustafa 1991/1411, 261).

Kritikan ini menjadi perbincangan antara ulama al-jarḥ wa al-ta'dīl. Ulama al-jarḥ wa al-ta'dīl cuba mencari punca yang menyebabkan Imām Mālik mengkritik Ibn Ishāq sedemikian. Ramai berpendapat bahawa ia berpunca daripada kata-kata Ibn Ishāq yang merendah-rendahkan kredibiliti beliau. Kisah tersebut adalah seperti yang dinyatakan oleh 'Abd Allah bin Idrīs al-Zā'afirī al-Kufī (m. 192H), "(Suatu ketika) kami bersama Mālik, lalu diceritakan kepada beliau bahawa sesungguhnya Ibn Ishāq berkata, "Tunjukkan kepada aku ilmu Mālik (kerana) sesungguhnya aku adalah pembedahnya (penyemak ilmu tersebut)". Lalu Malik berkata, "Lihatlah kepada dajjal daripada (dalam kalangan) dajjal-dajjal (al-Dajjājilah)" (al-Dhahabī 1995/1416, 6: 57).

Peristiwa ini berlaku disebabkan pertikaman lidah sebelumnya antara Ibn Ishaq dan Imām Mālik. Ibn Ishāq mendakwa Imām Mālik berketurunan Raja Yaman Dhī Asbah secara muwālāh iaitu seseorang yang memeluk Islam di tangan seorang Islam dan terjalin hubungan kekeluargaan antara mereka (Ibn Manzur t.th., 6: 4921), bukan secara pertalian darah. Tetapi Imām Mālik tetap bertegas bahawa beliau berketurunan secara pertalian darah. Kemudian apabila Imām Mālik menulis *al-Muwattā'*, Ibn Ishāq mengungkapkan semula kata-kata tersebut (Ibn Sayyid al-Nās t.th., 2: 66).

Ramai dalam kalangan ulama yang tidak menerima kritikan Imām Mālik terhadap Ibn Ishāq. Antaranya, 'Alī bin Madīnī, al-Baghdadi, al-Dhahabi, al-Bukhārī dan lain-lain. 'Alī bin Madīnī telah ditanya tentang kritikan Imam

Mālik bin Anas kepada Ibn Ishāq dan beliau menjawab, “Mālik tidak duduk (belajar) (bersama)nya (Ibn Ishāq) dan tidak mengenalinya (Ibn Ishāq)” (al-Mizzī 1982/1402, 24: 420).

Manakala al-Baghdadi mengkritik keras pendapat Imām Mālik itu, katanya, “Sesetengah pihak menyebut, sesungguhnya Mālik telah memalukan jama’ah daripada ahli ilmu pada zamannya disebabkan oleh kata-kata beliau kepada kumpulan yang dikenali sebagai (orang yang) baik, beragama, thiqah dan amanah”. Tetapi al-Dhahabi menegur kenyataan al-Khatib al-Baghdadi. Al-Dhahabi berkata, “Tidak sekali-kali, beliau (Imām Mālik) tidak memalukan mereka kecuali mereka berselisih pendapat dengan beliau dalam isu tersebut. (Tindakan) itu mendapat ganjaran atas perkara tersebut, dan sesungguhnya (beliau) tersalah pada ijtihadnya, (semoga) Allah merahmati ke atas beliau” (al-Dhahabi 1988/1409, 7: 38).

Walau bagaimanapun al-Bukhārī dan al-Dhahabi telah membuat beberapa perbincangan terhadap isu ini. Di dalam *Siyar A’lām al-Nubalā’* karya al-Dhahabi dan *Khayr al-Kalām fi al-Qirā’ah Khalf al-Imām* karya al-Bukhārī, al-Bukhārī menyebut; “Ibrahim bin Munzir berkata, “Umar bin ‘Uthmān menyampaikan kepada kami, bahawa al-Zuhri telah mengambil al-Maghāzī daripada Ibn Ishāq yang diriwayatkan daripada ‘Āsim bin ‘Umar. Manakala apa yang dinyatakan oleh Mālik tentang Ibn Ishāq tidak memberi keterangan yang jelas. (Dan) Ismā‘īl bin Abī Uways adalah antara orang yang bersetuju dengan pandangan kami terhadap Mālik. Apabila ditunjukkan kepada saya kitab-kitab Ibn Ishāq daripada bapanya berkenaan al-Maghāzī dan sebagainya, maka saya mengambil banyak apa yang terkandung padanya (kitab)” (al-Bukhari t.th., 36; al-Dhahabi 1988/1409, 7: 36).

Al-Bukhārī menyambung, “Kebanyakan manusia tidak selamat daripada pandangan manusia yang lain kepada mereka. Contohnya apa yang disebut oleh Ibrahim al-Nakhā‘ī dalam pendapatnya terhadap al-Sya‘bī dan pandangan al-Sya‘bī terhadap ‘Ikrimah. Mereka mengambil kira dari sudut pandangan peribadi dan maruah diri. Ahli ilmu tidak menerima perkara ini kecuali dengan penjelasan dan hujah, dan tidak gugur ‘Adalah mereka (yang dikatakan itu) melainkan dengan keterangan yang kukuh dan hujah. Pendapat dalam hal ini banyak (diperkatakan)” (al-Bukhari t.th., 7: 36-37; al-Dhahabi 2004/1425, 8: 30; al-Dhahabi 1988/1409, 7: 40).

Al-Dhahabi menambah, “(Nama) Ibn Ishāq tidak dinyatakan (oleh) Abu ‘Abd Allah al-Bukhari di dalam kitab al-Du‘afa’ (tulisan) beliau” (al-Dhahabi 1995/1416, 6: 58). Oleh yang demikian, al-Dhahabi telah memberi kata muktamad berkenaan perkara ini. Menurut beliau, kata-kata di antara dua orang tokoh ini adalah bersifat sentimen iaitu wujud sesetengah pihak untuk

menjatuhkan pihak lain. Kata-kata Ibn Ishāq itu tidak merendahkan sedikit pun kredibiliti Imām Mālik. Manakala kedudukan Ibn Ishāq juga tidak berganjak atas kritikan Imām Mālik. Namun, autoriti beliau (Ibn Ishāq) dalam periwayatan hadith tidak mencapai tahap ṣaḥīḥ tetapi hanya bertaraf ḥasan kecuali jika terdapat beberapa kecacatan maka riwayat berkenaan tidak boleh diterima (al-Dhahabī 1988/1409, 7: 39-40).

Menurut Ibn Hibbān (m. 739H), kritikan Imām Mālik itu adalah kerana beliau tidak bersetuju terhadap Ibn Ishāq tentang cara pengambilan riwayat Ibn Ishāq. Ibn Ishāq telah membuat penyelidikan tentang peristiwa peperangan pada zaman Nabi s.a.w. dengan mengambil riwayat daripada kanak-kanak Yahudi yang telah memeluk Islam yang masih mengingati peristiwa berkenaan seperti Peperangan Khaybar dan sebagainya (al-‘Asqalānī 1995/1416, 3: 507-08).

Menurut Ibn Sayyid al-Nās (m. 734H), pergeseran ini reda apabila Ibn Ishāq berhasrat mahu berhijrah ke Iraq. Lalu Imām Mālik datang berjumpa Ibn Ishāq dan memberi 50 dinar kepada beliau sebagai bekalan musafir (Ibn Sayyid al-Nās t.th., 2: 66; Wan Kamal 1999, 30).

Pendapat Hisyām bin ‘Urwah

Hisyām bin ‘Urwah sebagai salah seorang tokoh yang berautoriti dalam periwayatan hadith dan al-jarḥ wa al-ta‘dīl telah mengkritik Ibn Ishāq sebagai pendusta (kadhdhāb). Ulama al-jarḥ wa al-ta‘dīl telah mengenal pasti faktor yang menyebabkan Hisyām bin ‘Urwah membuat kritikan berkenaan. Apabila diceritakan kepadanya bahawa Ibn Ishāq meriwayatkan hadith daripada isteri beliau Fāṭimah bin al-Mundhir, Hisyām menyangkalnya dan menuduh Ibn Ishāq berdusta (al-Dhahabī 1988/1409, 7: 51; al-‘Asqalānī 1995/1416, 3: 505). Yahya bin Sa‘īd al-Qaṭṭān menceritakan, apabila dikhabarkan kepada Hisyām bin ‘Urwah berkenaan Ibn Ishāq meriwayatkan hadith daripada isterinya, beliau berkata, “Musuh Allah itu berdusta, dia meriwayatkan daripada isteriku(?) Di manakah dia melihatnya (Fāṭimah)?” (al-Baghdādī 2001/1422, 2: 19).

Kata-kata ini dilihat oleh para ulama sebagai pendapat yang bersifat peribadi kerana kebanyakan ulama mengiktiraf periwayatan Ibn Ishāq daripada Fāṭimah bin al-Mundhir. Antaranya, Sufyān bin ‘Uyaynah, Aḥmad bin Ḥanbal, al-Dhahabī dan lain-lain. Apabila diceritakan kritikan Hisyām bin ‘Urwah ini kepada Sufyān bin ‘Uyaynah, beliau berkata, “Ibn Ishāq telah mengambil hadith daripada Fāṭimah seperti Hisyām mengambil hadith (daripada Fāṭimah juga)” (al-Nūrī et al. 1992/1412, 2: 446). Imām Aḥmad bin Ḥanbal berkata, “Kemungkinan besar beliau (Ibn Ishāq) mendengar daripadanya (Fāṭimah) (ketika) keluar menuju ke masjid atau (sewaktu) keluar (rumah), wa Allah a‘lam” (al-Nūrī et al. 1997/1417, 3: 238).

Al-Dhahabī menegaskan bahawa perkara ini biasa berlaku antara para tābi‘īn dan saḥābiyah r.a.. Mereka mengambil riwayat daripada para saḥābiyah r.a. sewaktu mereka masih kanak-kanak atau muda remaja. Para tābi‘īn ini menghafaz apa yang mereka riwayatkan. Selain itu, para saḥābiyah r.a. ketika itu sudah lanjut usia dan tidak mampu untuk keluar menyampaikan hadith. Begitu juga dengan isu Fāṭimah binti Mundhir ini. Jarak usia antara beliau dan Ibn Ishāq agak jauh, dan menurut al-Dhahabī, sewaktu beliau meriwayatkan hadith kepada Ibn Ishāq, usia Fāṭimah adalah dalam lingkungan 60 tahun (al-Dhahabī 1988/1409, 7: 42).

Namun, kritikan Hisyām bin ‘Urwah kepada Ibn Ishāq adalah bersifat peribadi dan bukan dalam isu periwayatan hadith. Bahkan apabila diteliti di dalam kitab-kitab hadith, terdapat hadith-hadith yang ditemui, menunjukkan bahawa Ibn Ishāq meriwayatkan hadith daripada Fāṭimah binti al-Mundhir dan Hisyām bin ‘Urwah sendiri.

Pendapat Yahya bin Sa‘id al-Qaṭṭān

Antara pendapat yang mendapat perhatian para ulama al-jarḥ wa al-ta‘dīl, ialah pendapat yang dikemukakan oleh Yahya bin Sa‘id al-Qaṭṭān terhadap Ibn Ishāq. Seperti yang dinyatakan, Yahya al-Qaṭṭān telah mengkritik Ibn Ishāq dengan mengatakan Ibn Ishaq seorang pendusta (kadhdhāb) (Ibn al-Jawzī 1986/1406, 3: 41). Kritikan ini mendapat perhatian ulama al-jarḥ wa al-ta‘dīl kerana Yahya al-Qaṭṭān adalah salah seorang ulama yang berkredibiliti dan berautoriti dalam membuat kritikan terhadap perawi hadith.

Namun, ramai ulama melihat kritikan Yahya al-Qaṭṭān terhadap Ibn Ishāq sebagai satu kritikan yang keras. Oleh kerana itulah, Imām Aḥmad bin Ḥanbal memberi komentar terhadap isu ini, beliau berkata, “Tidak pernah saya melihat kritikan keras Yahya bin Sa‘id kepada (mana-mana) individu (selain) kepada Layth, Muḥammad bin Ishāq dan Hammām. Tiada sesiapa pun yang dapat memujuk beliau untuk menerima mereka (al-Mizzī 1982/1402, 24: 282).

Selain itu, Yahya bin Sa‘id al-Qaṭṭān merupakan seorang ulama al-jarḥ wa al-ta‘dīl yang keras (syadid) dalam sesetengah keadaan. Ulama menetapkan sekiranya Yahya al-Qaṭṭān dan ‘Abd al-Raḥmān bin Maḥdī mengkritik (jarḥ) seseorang perawi, maka kritikan tersebut diterima dan perawi tersebut ditolak periwayatannya. Sekiranya, Yahya al-Qaṭṭān mentajriḥ seorang perawi manakala ‘Abd al-Raḥmān bin Maḥdī pula menta‘dīlkan perawi tersebut, maka para ulama akan mengambil pendapat ‘Abd al-Raḥmān bin Maḥdī kerana Yahya al-Qaṭṭān telah tasyaddud dalam kritikan (al-A‘ẓamī 1995/1415, 271) serta perawi berkenaan akan dibincangkan dengan lebih mendalam oleh para ulama (Abu Lubabah 198), 47).

Dalam kes Ibn Ishāq, seperti yang dinyatakan, ‘Abd al-Rahmān al-Mahdi dilihat tidak memberi apa-apa komentar sebaliknya mengatakan bahawa Yahya al-Qattān dan Mālik bin Anas mengkritik Ibn Ishāq (al-Dhahabī 1995/1416, 6: 57). Namun, berdasarkan kenyataan Imām Aḥmad bin Ḥanbal, boleh disimpulkan bahawa Yahya bin Sa‘īd al-Qattān dilihat keras ketika membuat kritikan terhadap Ibn Ishāq. Para ulama membuat beberapa ketetapan bagi mengatasi isu pertindihan pendapat dan kritikan terhadap perawi-perawi hadith. Mereka dapat mengenal pasti gaya dan manhaj sebahagian ulama al-jarḥ wa al-ta‘dīl yang dilihat ‘mutasyaddid’ dan mu‘tadil sekiranya terdapat percanggahan. Ketetapan ini dibuat bagi menentukan penanda aras (benchmark) sekiranya berlaku ‘ta‘arud’ atau percanggahan pendapat al-jarḥ wa al-ta‘dīl antara ulama yang berkredibiliti. Ulama hadith telah menetapkan pasangan antara ulama al-jarḥ wa al-ta‘dīl bagi melihat pertindihan pandangan mereka dalam melakukan al-jarḥ wa al-ta‘dīl seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pasangan Ulama Mu‘tadil dengan Ulama Mutasyaddid

<i>Mu‘tadil</i>	<i>Mutasyaddid</i>
Sufyān al-Thawrī (m. 161H)	Syu‘bah bin al-Ḥajjāj (m. 160H)
‘Abd al-Rahmān bin Mahdī	Yahya bin Sa‘īd al-Qattān
Aḥmad bin Ḥanbal	Yahya bin Ma‘īn
Al-Bukhārī	Abū Ḥātim al-Rāzī

Sumber: Faruq Hamadah 1989/1409, 36.

Sekiranya kedua-dua pihak melakukan kritikan ke atas seseorang perawi, maka perawi tersebut ditolak perwayatannya. Sekiranya bercanggah, maka kelompok mutasyaddid dilihat keras dalam kritikan mereka dan kelompok mu‘tadil dilihat benar pada pendapat mereka. Contohnya, sekiranya Abū Ḥātim al-Rāzī mengkritik seorang perawi, manakala al-Bukhārī menta‘dikan perawi yang sama, maka, Abū Ḥātim al-Rāzī telah syadid dalam kritikan beliau dan pandangan al-Bukhārī akan diterima atau kedudukan perawi berkenaan perlu diteliti dengan lebih mendalam lagi (Fārūq Ḥamādah 1989/1409, 36; al-Jawwābī 1997, 449-59; al-Syarīf Ḥatīm 1421, 31-32).

Justifikasi Pandangan Ulama terhadap Ibn Ishāq

Justeru, dapat disimpulkan bahawa Ibn Ishāq merupakan seorang tokoh yang diterima perwayatan beliau secara umum tetapi perlu diteliti dan disokong oleh

riwayat yang lain seperti pendapat Imām Aḥmad bin Ḥanbal terhadap riwayat Ibn Ishāq (al-Nūrī et al. 1997/1417, 3: 238), serta beliau menggunakan lafaz *sima'* yang jelas (Abū Saḥaylayk 1994 / 1415, 61).

Pengiktirafan ini dapat dilihat, apabila al-Bukhārī menukilkan riwayat Ibn Ishāq secara *mu'allaq* dengan matan yang penuh, serta meletakkan riwayat Ibn Ishāq sebagai *mutāba'āt* kepada riwayat yang dinukilkan. Jika sekiranya Ibn Ishāq merupakan seorang perawi yang merbahaya dan membawa dakyah-dakyah negatif kepada umat Islam, sudah tentu al-Bukhārī menolak sepenuhnya periwayatan Ibn Ishāq walaupun secara *mu'allaq*.

Manakala Imām Muslim (m. 261H) pula meletakkan riwayat Ibn Ishāq sebagai *syawāhid* di dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beliau juga menukilkan *syawāhid* riwayat Ibn Ishāq dengan membawa sanad yang penuh (Muslim no. 2015: 814). Pengiktirafan ini disokong oleh Muḥammad bin Ṭāhir al-Maqdisī (m. 507H) apabila beliau meletakkan Muḥammad bin Ishāq dalam kalangan perawi Muslim (al-Maqdisī 1405H, 2: 468).

Selain itu, Ibn Qayyim al-Jawziyyah (m. 751H) juga menerima periwayatan Ibn Ishāq dan mengiktiraf sanjungan ulama terhadap Ibn Ishāq (al-Jawziyyah t.th.: 7-9). Tetapi beliau dilihat berhati-hati kerana bimbang berlaku *tadlīs* dalam riwayat. Oleh demikian, Ibn 'Adī al-Jarjānī (m. 365H) membuat semakan terhadap hadith-hadith Ibn Ishāq dan mengatakan bahawa beliau tidak menemui hadith-hadith yang diriwayatkan *ḍa'īf* secara *qaṭ'ī*. Tetapi menurutnya, Ibn Ishāq juga melakukan kesalahan seperti yang dilakukan oleh orang lain. Namun, riwayat-riwayat Ibn Ishāq banyak diriwayatkan oleh orang lain termasuk dalam kalangan ulama yang berkredibiliti dan berwibawa (al-Jarjānī 1988/1409, 3: 112).

Kesimpulan

Daripada perbahasan di atas, dapat disimpulkan bahawa penolakan terhadap periwayatan Ibn Ishāq bukan secara mutlak, tetapi perlu melalui beberapa peringkat dan saringan bagi menerima periwayatan yang dikemukakannya. Berikut adalah beberapa syarat dan penanda aras (benchmark) bagi menerima riwayat daripada Ibn Ishāq:

1. Sekiranya sanad riwayat tersebut jelas dan *ṣaḥīḥ*, perlu dipastikan terdapat riwayat-riwayat sokongan lain daripada perawi-perawi berautoriti. Apabila terdapat riwayat sokongan daripada riwayat lain, riwayat Ibn Ishāq itu mestilah tidak bertentangan dengan riwayat yang lebih *ṣaḥīḥ*. Jika kaedah ini dipenuhi, riwayat daripada Ibn Ishāq boleh diterima.
2. Jika sekiranya riwayat Ibn Ishāq tidak mempunyai sokongan daripada riwayat lain, ini menunjukkan Ibn Ishāq telah *tafarrud* (bersendirian)

pada periwayatan tersebut. Maka riwayat berkenaan tidak dapat diterima, kecuali terdapat riwayat-riwayat lain yang dinukilkan secara makna yang sama atau hampir sama dengan riwayatnya, barulah ia diterima secara makna sahaja.

Syarat-syarat yang dikemukakan adalah daripada penanda aras yang dijelaskan oleh para nuqqad dan muhaddithin dalam menerima riwayat daripada Muḥammad bin Ishāq. Maka, riwayat-riwayat yang dikemukakan olehnya tidak boleh diabaikan tetapi perlu dinilai dengan adil berdasarkan kaedah-kaedah yang sahih dan tidak berat sebelah.

Rujukan

- Al-A'zami, Muhammad Diya' al-Rahman, 1995M/1415H, *Dirasah fi Jarh wa Ta'dil*, Beirut: 'Alam al-Kutub.
- 'Abd al-Syāqī Muḥammad 'Abd al-Laṭīf, 2007/1428, *Buhūth fī al-Sīrah al-Nabawīyah wa al-Tarīkh al-Islāmī*, Kaherah : Dār al-Salām.
- Abi Muḥammad 'Abd al-Malik ibn Hisyam, 1995M/1416H, *Sīrah al-Nabi s.a.w.*, Tanta: Dar al-Sahabah li al-Turath.
- Abi al-Hasan Mustafa ibn Isma'il, 1991M/1411H, *Syifa' al-Alil bi Alfaz wa Qawa'id al-Jahr wa al-Ta'dil*, Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Abu Lubabah Hussein, 1988, *al-jurh wa al-Ta'dil (Kriteria bagi Memastikan Keadilan/Kecurangan Para Perawi Hadith Nabawi)*, Terj., Ismail bin Mohd. Hassan, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Abu Sa'aylayk, Muḥammad 'Abd Allah (1994 / 1415), *Muḥammad bin Ishāq Imām Ahl al-Maghāzī wa al-Siyar*, Dimasyq: Dār al-Qalam
- Al-Asqalani, Abi al-Fadl Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar Syihab al-Din 1995M/1416H, *Tahdhib al-Tahdhib*, Jil. 3, Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Baghdadi, Abi Bakr Ahmad ibn 'Ali ibn Thabit al-Khatib, 2001M/1422H, *Tarikh Madinah al-Salam wa Akhbar Muhaddithiha wa Dhikr Quttaniha al-'Ulama' min Ghayr Ahliha wa Waridiha*, Jil. 2, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Bukhari, Muhammad ibn Isma'il, t.th., *Khayr al-Kalam fi al-Qira'ah Khalf al-Imam*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, Muhammad ibn Isma'il al-Bukhari, 2000M/1421H, *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*, Cetak ulang, Riyad: Dar al Salam.
- Al-Dhahabi, Syams al-Din Muhammad ibn Ahmad, 1995M/1416H, *Mizan al-Itidal fi Naqd al-Rijal*, Jil.6, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Dhahabi, Syams al-Din Muhammad ibn Ahmad ibn 'Uthman, 1988M/1409H, *Siyar A'lam al-Nubala'*, Jil. 7, Cetak ulang, Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

- Al-Dhahabi, Syams al-Din Abi 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn 'Uthman ibn Qaymaz, 2004M/1425H, *Tadhib al-Tahzib al-Kamal fi Asma' al-Rijjal*, Jil. 8, Kaherah: al-Fazuq al-Hadithah.
- Al-Dūrī, 'Abd al-'Azīz, 1993, *Bahth Nasy'ah 'Ilm al-Tārikh 'ind al-'Arab*, Cetak ulang, Beirut: Dār al-Masyriq.
- Faruq Hamadah, 1989M/1409H, *al-Manhaj al-Islami fi al-Jarh wa al-Ta'dil Dirasah Manhajiyah fi 'Ulum al-Hadith*, Cetak ulang, al-Rabat: Dar li Nasyr al-Ma'rifah.
- Ibn Hisyam, t.th., *al-Sirah al-Nabawiyah*, Jil. 1, t.tp.: Turath al-Islam.
- Horovitz, J., 1928, The earliest biographies of the prophet and their authors", *Islamic Culture*, Jil. 2, Hyderabad : t.pt.
- Al-'Ijli, Ahmad ibn 'Abd Allah ibn Salih Abi al-Hasan, 1985M/1405H, *Tarikh al-Thiqat*, Beirut: Dar al Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Ishaq, 1981, *Sirah Ibn Ishaq al-Musamma bi Kitab al-Mubtada' wa al-Mab'ath wa al-Maghazil*, Konya: Khidmah al-Khayriyyah.
- Jamal al-Din Abi al-Farraj 'Abd al-Rahman ibn 'Ali ibn Muhammad Ibn Jawzi, 1986M/1406H, *Kitab al-Du'afa wa al-Matrukin*, Jil. 3, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Jarjani, Abi Ahmad 'Abd Allah ibn Adi, 1988M/1409H, *al-Kamil fi Du'afa' al-Rijal*, Jil. 6, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Khallikan, Abi al-'Abbas Syams al-Din ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Abi Bakr ibn Khallikan, t.th., *Wafayat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman*, Jil. 4, Beirut: Dar al-Sadir.
- Al-Ma'afiri, Abi Muhammad 'Abd al-Malik ibn Hisyam, 1998M/1418H, *al-Sirah al-Nabawiyah*, Jil. 1, Riyad; Maktabah al-'Ubaykan.
- Al-Madani, Muhammad ibn Ishaq ibn Yasar al-Matlibi, 2004M/1424H, *al-Sirah al-Nabawiyah li ibn Ishaq*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Manzur, t.th., *Lisan al-'Arab*, Jil. 6, Kaherah: Dar al-Ma'arif
- Al-Mizi, Jamal al-Din Abi al-Hajjaj Yusuf, 1982M/1402H, *Tadhib al-Kamal fi Asma' al-Rijjal*, Jil. 24, Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim al-Qusyayri al-Naysaburi, *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*, Cetak ulang, Riyad: Dar al-Salam.
- Muhammad Tahir al-Jawwabi, 1997, *al-Jarh wa al-Ta'dil Bayna al-Mutasyaddidin wa al-Mutasahilin*, t.tp.: al Dar al-'Arabiyyah li al-Kitab.
- Muhammad Hamidullah, 1967, *Muhammad Ibn Ishaq the Biographer of the Holy Prophet*, Karachi: Pakistan Historical Society
- Muhammad Surūr ibn Nayif Z̄in al-'Abidīn, 1988M/1408H, *Dirāsāt fi al-Sirah al-Nabawiyah*, Birmingham: Dar al-Arqam.
- Muhammad Faisal Ismail, 2003, Keprihatinan Ulama Hadith terhadap Sanad Hadith: Suatu Kajian terhadap Aplikasinya dalam Kitab al-Sirah al-

- Nabawiyah, Karya Ibn Hisyam. Tesis Sarjana, Jabatan al-Quran dan Hadith, Universiti Malaya.
- Al-Nadim, Muhammad ibn Ishaq, 1971M/1391H, *Kitab al-Fihrist*, Jil. 2, t.tp.: t.pt.
- Al-Nuri, al-Sayyid Abu Ma'ati et al, 1992M/1412H, *al-Jami' fi Jarh wa al-Ta'dil*, Jil. 2, Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Ibn al-Qaysarani al-Syaybani, Abi al-Fadl Muhammad ibn Tahir ibn 'Ali al-Maqdisi, 1405H, *Kitab li Jam' Bayn Kitabay Abi Nasr al-Kalabadhi wa abi Bakr al-Asfahani Rahimahuma Allah Ta'ala fi Rijal al-Bukhari wa Muslim*, Jil. 2, Cetak ulang, Beirut: Dar al Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad ibn Abi Bakr bin Ayyub, t.th., *Jila' al-Afham fi Fadl al-Salah wa al-Salam 'ala Khayr al-Anam s.a.w.*, t.tp.: Dar 'Ilm al-Fawa'id.
- Serjeant, R. B., 1985, Professor A. Guillaume's Translation of the Sirah, *Bulletin of School of Oriental and African Studies*, Jil. 21: 1-14.
- Sizkin, Fuad 1991M/1411H, *Tarikh al-Turath al-'Arabi*, Jil. 1, Riyad: Idarah al-Thaqafah wa al-Nasyr bi al-Jami'ah.
- Al-Syamri, Huda 'Ali Jawad (2004) *al-Hadith al-Nabawi al-Syarif Riwayah Muhammad bin Ishaq*, Oman: Mu'assasah al-Waraq.
- Al-Syarif Hatim ibn 'Arif al-'Awni, 1412H, *Khulasah al-Ta'sil li 'Ilm al-Jarh wa al-Ta'dil*, Mekah: Dar 'Alam al-Fawa'id.
- Storey, C. A., 1935, *Persian Literature: A Bio-bibliography Survey*, London: Luzac & Co.
- Al-Tarabisyi, Muta' (1994/1414) *Ruwwat Muhammad bin Ishaq bin Yasar fi al-Maghazi wa al-Siyar wa Sa'ir al-Marwiyyat*, Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-'Umari, Akram Diya', 1995M/1416H, *al-Sirah al-Nabawiyah al-Sahihah Muhawalah li Tatbiq Qawa'id al-Muhaddithin fi Naqd Riwayat al-Sirah al-Nabawiyah*, Jil. 1, Riyad: Maktabah al-'Ubaykan.
- Wan Kamal Mujani, 1999/1419, Pandangan ulama terhadap karya dan ketokohan Muhammad ibn Ishaq, *Islamiyyat* (20), Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Tarabisyi, Mutā', 1994M/1414H, *Ruwwāt Muḥammad bin Ishāq bin Yasār fi al-Maghāzī wa al-Siyar wa Sa'ir al-Marwiyyāt*, Dimasyq: Dār al-Fikr.
- Al-Zuhri, Muhammad ibn Sa'd ibn Muni' Abu 'Abd Allah al-Basri, 1968, *al-Tabaqat al-Kubra*, Jil. 7, Beirut: Dar Sadir.

http://khizana.blogspot.com/2008/12/blog-post_1726.html, 18 Jun 2009.

FAUZI DERAMAN, Ph.D.

Jabatan Al Quran dan Hadith

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Emel: drfauzee@gmail.com

AHMAD SAIFUDDIN YUSOF

Kolej Teknologi Darul Naim

Pengkalan Chepa, Kota Bharu

Kelantan

Emel: saifuddiny@gmail.com